

NAMA:

Lengkapkan karangan di bawah dengan frasa dan ayat yang tepat berdasarkan teks di buku teks ms 117.

Amar dan rakan-rakannya telah menyertai lawatan sambil belajar ke Muzium Diraja, Kuala Lumpur. Lawatan yang dianjurkan oleh _____ itu diadakan pada _____. Lawatan itu disertai oleh 40 orang anggota Kelab Budaya dan empat orang guru pengiring. Lawatan itu dianjurkan untuk menambahkan ilmu pengetahuan tentang Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia. Mereka berpeluang untuk menyaksikan _____ tentang Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong iaitu pakaian semasa istiadat pertabalan Yang Di-Pertuan Agong.

Tengkolok Diraja ini diperbuat daripada _____ yang cantik, unik dan berkualiti tinggi. _____ tengkolok ini dikenali sebagai "Dendam Tak Sudah" namanya. Hiasan di hadapan tengkolok ini menggunakan kerongsang yang berbentuk _____ yang bertatahkan _____ di bahagian tengah yang merupakan lambang kerajaan Malaysia.

Seterusnya, Muskat ialah _____ yang merupakan asal-usulnya dari _____. Jahitan pada muskat ini sangat kemas dan menggunakan benang bulu hitam. Muskat ini menggunakan hiasan _____ bercorak awan larat dan bunga raya.

Keris Pendek Diraja ini mempunyai _____. Keris ini berhulu dan bersarung gading yang _____. Hulu keris ini dikenali sebagai Hulu Pekaka yang menyerupai bentuk _____. Sampir keris ini juga merupakan lambang Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, Pending Diraja ini diperbuat daripada _____ yang bertatah dan bersulam _____. Di bahagian tengah Pending Diraja ini terdapat lambang Kerajaan Persekutuan. Pending Diraja ini dipakai bersama _____ yang diperbuat daripada _____ bertekak dengan corak berbunga-bunga yang menggunakan benang emas.

Amar dan rakan-rakannya sangat _____ kerana dapat mengikuti lawatan ini. Lawatan ini dapat _____ dan memberikan _____ kepada murid-murid.

gembira permata delima kepala geroda tali bengkung sulaman emas

menambahkan ilmu pengetahuan mata keris lama pakaian rasmi emas putih

emas sepuluh mutu manfaat bertatah emas negara Muskat kain saklat

Solek atau bentuk hulu Kelab Budaya Sekolah Kebangsaan Taman Kencana pameran

anak bulan dengan bintang pecah empat belas 19 Ogos 2021 kain tenun sutera